



## FINAL EXAMINATION

### NOVEMBER 2021

---

<b>COURSE TITLE</b>	<b>TAMADUN ISLAM &amp; TAMADUN ASIA</b>
<b>COURSE CODE</b>	<b>MPU3123</b>
<b>DATE/DAY</b>	<b>20 FEBRUARY 2022 / SUNDAY</b>
<b>TIME/DURATION</b>	<b>01:00 PM - 03:00 PM / 2 Hours</b>

---

#### INSTRUCTIONS TO CANDIDATES :

1. Please read the instruction under each section carefully.
2. Candidates are reminded not to bring into examination hall/room any form of written materials or electronic gadget except for stationery that is permitted by the Invigilator.
3. Students who are caught breaching the Examination Rules and Regulation will be charged with an academic dishonesty and if found guilty of the offence, the maximum penalty is expulsion from the University.

(This Question Paper consists of **14** Printed Pages including front page)

**\*\*\*DO NOT OPEN THE QUESTION PAPER UNTIL YOU ARE TOLD TO DO SO\*\*\***

Kertas soalan ini mempunyai 50 soalan objektif. Jawab SEMUA dengan membulatkan dengan huruf jawapan ataupun melakarkan jawapan mengikut kehendak soalan

(50 markah)

1. Apakah bukti yang menunjukkan aspek agama dan kepercayaan memainkan peranan penting dalam pembentukan sesebuah tamadun?
  - A. Semua tamadun dunia berteraskan doktrin agama dan kepercayaan tertentu.
  - B. Budi pekerti yang tinggi hanya datang daripada ajaran agama semata-mata.
  - C. Wujudnya sistem pengelasan masyarakat ialah hasil dari pada ajaran agama.
  - D. Kesan peninggalan tamadun silam tidak menunjukkan wujudnya kehidupan beragama.
  
2. Semua tamadun mempunyai ciri-ciri tertentu yang bersifat sejagat. Apakah ciri-ciri tersebut?
  - I. Kemajuan kebendaan
  - II. Ketinggian moral
  - III. Pembinaan bangunan
  - IV. Keteguhan kepercayaan
  - A. I dan II
  - B. I dan III
  - C. II dan III
  - D. II dan IV
  
3. Antara berikut yang manakah **bukan** ciri-ciri asas tamadun?
  - A. Kewujudan kebendaan
  - B. Kewujudan penempatan kekal
  - C. Peningkatan tahap kualiti hidup
  - D. Kewujudan sistem perundangan

4. Proses pembangunan sebuah tamadun adalah melalui dua peringkat iaitu peringkat asas dan pencapaian. Antara berikut yang manakah merupakan peringkat asas iaitu menyediakan keperluan asas?
- I. Pakaian
  - II. Makanan
  - III. Keselamatan
  - IV. Tempat tinggal
- A. I, II dan III sahaja  
B. I, II dan IV sahaja  
C. II, III dan IV sahaja  
D. Kesemua di atas
5. Apakah faktor **utama** yang membolehkan sesebuah tamadun bertahan lama?
- A. Masyarakat berpekeriti tinggi
  - B. Politik yang kukuh dan stabil
  - C. Perkembangan ilmu dan teknologi
  - D. Kegiatan perdagangan yang berkembang
6. Manakah antara pernyataan berikut yang **tidak tepat** berkaitan dengan konsep hubungan antara tamadun dengan budaya?
- A. Semakin tinggi pencapaian tamadun maka semakin tinggi kehalusan budaya mereka.
  - B. Pengaruh tamadun berkekalan lebih lama berbanding pengaruh daripada budaya.
  - C. Tamadun melampaui batas-batas kenegaraan sedangkan budaya selalunya dikaitkan dengan negara tertentu.
  - D. Sesebuah tamadun dianggap gagal jika tidak berjaya mengasimilasikan kepelbagaian budaya yang dimilikinya.
7. Manakah antara berikut merupakan yang **benar** mengenai perbezaan antara bidang ilmu pengajian ketamadunan dengan sejarah tamadun?
- I. Pengajian sejarah ketamadunan lebih berbentuk fakta, sementara pengajian ilmu ketamadunan berbentuk filosofikal.
  - II. Pengajian ketamadunan membicarakan teori, konsep-konsep asas, ciri serta sifat tamadun secara konseptual, teoritikal dan abstrak.
  - III. Pengajian ilmu ketamadunan tidak terikat kepada batasan zaman, manakala sejarah tamadun lazimnya dibatasi oleh faktor masa.

- IV. Sejarah tamadun merujuk kepada pengalaman yang dilalui oleh sesuatu tamadun, dari segi pencapaian, jatuh bangun, kemajuan dan kemundurannya.
- A. I, II dan III  
B. I, III dan IV  
C. II, III dan IV  
D. Semua di atas
8. Apakah sebab sesuatu peperangan itu dibenarkan di dalam Islam?
- A. Untuk menakluki kawasan lain  
B. Untuk menyebarkan agama Islam  
C. Untuk mempertahankan agama dan negara  
D. Untuk menunjukkan kekuatan tentera Islam
9. Yang manakah antara ideologi berikut **paling tepat** didukung oleh Tamadun Islam?
- A. Teokratik  
B. Monotheisme  
C. Politheisme  
D. Henotheisme
10. Pernyataan manakah yang **salah** tentang ciri-ciri tamadun Islam?
- A. Sesuai di semua tempat dan zaman  
B. Pemupukan sifat positif yang ada pada manusia  
C. Boleh diubahsuai berdasarkan kehendak manusia  
D. Prinsip hukum dan peraturan yang bersumberkan wahyu
11. *Maqasid Al-Syariah* dijadikan sebagai garis panduan dalam kehidupan Muslim. Antara berikut yang manakah **bukan** cara-cara memelihara harta-benda dalam ajaran Islam?
- A. Bersedekah  
B. Membayar zakat  
C. Berpendapatan halal  
D. Memakan harta anak yatim



12. Tamadun Islam terbina berasaskan tiga asas utama iaitu \_\_\_\_\_.

- I. akhlak
  - II. akidah
  - III. syariah
  - IV. kebendaan
- 
- A. I, II dan III sahaja
  - B. I, II dan IV sahaja
  - C. II, III dan IV sahaja
  - D. Kesemua di atas

13. Baitul hikmah diasaskan oleh Khalifah Harun al-Rasyid. Apakah peranan baitul hikmah?

- A. Perpustakaan
- B. Pusat penterjemahan
- C. Pusat pengajaran al-Quran
- D. Pusat pengurusan kewangan negara

14. Antara hak yang diberikan oleh Islam kepada golongan wanita ialah hak bekerja. Hal ini dibenarkan dalam keadaan yang berikut **kecuali**

- A. suasana masyarakat yang meletakkan wanita bekerja itu sebagai golongan yang dihormati.
- B. wanita terpaksa membantu suaminya mencari nafkah untuk menampung keperluan keluarga.
- C. ibu bapa mengharapkan supaya anak perempuan mereka mempunyai pekerjaan yang sesuai sebagai jaminan masa hadapan.
- D. keperluan masyarakat kepada kemahiran dan kepakaran yang dimiliki oleh seseorang wanita dalam bidang-bidang yang kritikal.

15. Antara konsep-konsep dalam tamadun Islam ialah menjaga hubungan manusia dengan alam. Apakah akibat daripada tidak menjaga hubungan ini?

- I. Gempa bumi
- II. Pencairan ais
- III. Pemanasan global
- IV. Pencemaran udara

- A. I, II dan III sahaja
- B. I, II, dan IV sahaja
- C. II, III, dan IV sahaja
- D. Kesemua di atas

16. Pilih takrifan **paling tepat** mengenai tamadun Islam.

- A. Kemantapan Tauhid umat Islam sepanjang zaman.
- B. Kemajuan dicapai umat Islam sepanjang sejarahnya.
- C. Pencapaian umat Islam dalam bidang ilmu pengetahuan.
- D. Kemajuan rohani dan jasmani berlandaskan syariat Islam.

17. Pada pendapat anda, apakah persamaan masyarakat Madinah dengan masyarakat negara kita pada masa kini?

- A. Dilarang beragama
- B. Wajib memeluk agama Islam
- C. Mesti meninggalkan agama asal
- D. Agama Islam merupakan agama rasmi negara

18. Manakah antara berikut merupakan agama atau kepercayaan yang menjadi anutan masyarakat Melayu pra-Islam?

- I. Animisme
- II. Hindu
- III. Buddha
- IV. Kristian

- A. I, II dan III
- B. I, II dan IV
- C. I, III dan IV
- D. II, III dan IV

19. Batu Bersurat di Palembang mempunyai ukiran dan bukti mengenai bahasa Melayu di Alam Melayu. Yang manakah antara berikut **paling tepat** mengenai pernyataan di atas?
- A. Bahasa Melayu menjadi sebagai bahasa pendidikan negara.
  - B. Kekayaan kosa kata bahasa Melayu.
  - C. Pengaruh bahasa Arab dalam bahasa Melayu.
  - D. Bahasa Melayu sebagai bahasa pentadbiran negara.
20. Sebelum kedatangan Islam, tamadun Melayu dipengaruhi oleh agama \_\_\_\_\_.
- A. Hindu
  - B. Buddha
  - C. Kristian
  - D. Hindu Buddha
21. Pencapaian tamadun Melayu dalam bidang sains dan teknologi memperlihatkan ketinggian pemikiran masyarakat Melayu. Yang manakah **bukan** sukatan untuk pengukuran jarak?
- A. Sejengkal
  - B. Sehasta
  - C. Sedepa
  - D. Segantang
22. Manakah antara hasil karya seni berikut yang **bukan** daripada tradisi budaya Melayu?
- A. Topi
  - B. Songket
  - C. Seni Tekat
  - D. Anyaman tikar
23. Kedatangan Islam ke alam Melayu telah meletakkan asas yang kukuh dalam pembinaan tamadun Melayu?
- I. Adat dan istiadat Melayu
  - II. Kepercayaan beragama
  - III. Kemajuan kebendaan
  - IV. Keluhuran akhlak

- A. I, II dan III
- B. I, III dan IV
- C. I, III dan IV
- D. Semua di atas

24. Mengapakah tamadun Melayu menjadi asas kepada Tamadun Malaysia?

- A. Ia merupakan tamadun terbesar dan sudah lama wujud di Asia Tenggara.
- B. Ia merupakan kesinambungan dari tamadun dan bentuk-bentuk kerajaan Melayu yang terdapat di Asia Tenggara.
- C. Kaum Melayu ialah penduduk yang paling ramai di kawasan ini.
- D. Kaum Melayu ialah bahasa komunikasi yang luas di Malaysia

25. Kebudayaan Arab yang diamalkan oleh masyarakat Asia Tenggara ialah \_\_\_\_\_.

- I. tarian zapin
- II. alat-alat muzik
- III. majlis persandingan
- IV. menghormati tetamu

- A. I, II dan III
- B. I, II dan IV
- C. I, III dan IV
- D. II, III dan IV

26. Di antara berikut, yang manakah bukti interaksi tamadun China dengan Alam Melayu?

- I. Seni bina masjid yang berunsur pagoda
- II. Aktiviti perdagangan antara Melayu dengan China
- III. Perhubungan diplomatik kerajaan China dengan Melaka
- IV. Penghijrahan orang Arab dari Canton ke Asia Tenggara

- A. I, II dan III
- B. I, III dan IV
- C. II, III dan IV
- D. I, II, III dan IV



27. Tamadun Melayu menghasilkan pelbagai bentuk kesenian. Yang manakah antara berikut **bukan** seni suara dalam tamadun Melayu?
- A. Sajak
  - B. Nyanyian
  - C. Gurindam
  - D. Berbalas pantun
28. Yang manakah antara berikut merupakan faktor penyebaran Islam ke Tanah Melayu?
- I. Perdagangan
  - II. Perkahwinan
  - III. Pendakwaan
  - IV. Keistimewaan Islam
- A. I, II dan III sahaja
  - B. I, II, dan IV sahaja
  - C. II, III, dan IV sahaja
  - D. Kesemua di atas
29. Pemerintahan Shah Jehan (1592 – 1666 M) dianggap sebagai zaman keemasan pemerintahan Mughal di India, khususnya dalam bidang ilmu seni bina. Manakah antara berikut merupakan antara pencapaian cemerlang beliau dalam seni bina?
- A. Taj Mahal
  - B. Kota Delhi
  - C. Qutb Minar
  - D. Fatehpur Sikri
30. Konsep hak-hak kehidupan dalam ajaran Buddhisme adalah termaktub dalam \_\_\_\_\_.
- A. Kitab Veda
  - B. Jalan Lapan Lapis Mulia
  - C. halal dan haram
  - D. Yin Yang

31. Kegagalan para Mubaligh Kristian mengembangkan agama tersebut di India adalah disebabkan oleh masyarakatnya yang kuat berpegang kepada \_\_\_\_\_.

- A. adat resam
- B. undang-undang
- C. Kepercayaan setempat/nenek moyang
- D. Semuanya tidak betul

32. Pilih jawapan berikut yang **tiada** kaitan dengan sistem kasta di India.

- A. pemerintahan
- B. pekerjaan
- C. agama
- D. budaya

33. Manakah bahasa berikut yang terhasil melalui interaksi antara tamadun Islam dengan tamadun India?

- A. Parsi
- B. Urdu
- C. Tamil
- D. Sanskrit

34. Bahasa \_\_\_\_\_ menjadi bahasa dasar bagi masyarakat Indo-Arya manakala Bahasa \_\_\_\_\_ menjadi bahasa dasar bagi masyarakat Dravida dalam Tamadun India.

- A. Hindi, Telugu
- B. Sanskrit, Tamil
- C. Tamil, Sanskrit
- D. Tamil, Malayalam

35. Pilih ciri-ciri keistimewaan tamadun China.

- I. Bertahan lama
- II. Pentingkan penyatuan keluarga
- III. Berinteraksi dan dinamik
- IV. Pentingkan keharmonian dan moral

- A. I dan II
- B. II dan III
- C. I, III dan IV
- D. Semua di atas

36. Apakah nama laluan yang digunakan untuk menyebarkan agama Islam ke China pada abad ke-13 M?

- A. Laluan Sutera
- B. Laluan Emas
- C. Laluan Pedagang
- D. Laluan Kapas

37. Tahun Baru China merupakan perayaan yang terbesar dan paling bertuah. Hari pertama dalam kalendar Cina dipanggil sebagai apa?

- A. Shonen
- B. Nennen
- C. Rainen
- D. Xin Nian

38. Tempat pengebumian yang dipilih untuk menentukan baik buruk kehidupan generasi sekarang dan yang akan datang berdasarkan amalan apa?

- A. Yui feng
- B. Feng shui
- C. Chun lian
- D. Nian hua

39. Pilih pernyataan yang **salah** tentang konsep *Tian* dalam Tamadun China.

- A. Prinsip semula jadi yang mutlak
- B. Kuasa penentu nasib sesebuah dinasti
- C. Kuasa yang menentukan dosa dan pahala
- D. Sumber kewujudan seluruh makhluk di dunia

40. Pernyataan berikut adalah **benar** tentang sistem tulisan Cina, **kecuali**

- A. ia disebut dalam pelbagai dialek
- B. ia boleh menyatupadukan pelbagai bangsa di Asia
- C. ia merupakan sistem tulisan kuno dalam tamadun manusia
- D. ia membenarkan pertukaran budaya diantara negara-negara di Asia Timur

Salmah dan Mei Yee merupakan kawan yang baik. Walaupun, berlainan agama dan bangsa tetapi mereka tetap saling hormat-menghormati satu sama lain. Keadaan ini melahirkan rakyat yang bersatu padu di Malaysia.

41. Situasi di atas menekankan kepentingan\_\_\_\_\_ .

- A. dialog peradaban
- B. kehidupan bertamadun
- C. globalisasi
- D. hak asasi manusia

42. Yang manakah antara aspek berikut harus diberi keutamaan dalam dialog antara peradaban?

- A. Akhlak, etika, dan moral.
- B. Ekonomi, pendidikan dan etika.
- C. Pendidikan, akhlak dan kebudayaan.
- D. Kebudayaan, ekonomi, dan pendidikan.

43. Antara berikut ialah aspek yang menerima kesan daripada globalisasi, **kecuali**

- A. budaya pemakanan
- B. budaya berfesyen
- C. budaya beribadat
- D. budaya muzik

44. Yang manakah antara perkara berikut **bukan** maksud dialog peradaban?

- A. Saling bertukar fikiran
- B. Saling memahami antara satu sama lain
- C. Semuanya menjadi satu agama
- D. Hormat-menghormati



45. Konflik antara agama Islam dengan agama Kristian menyebabkan berlakunya peperangan seperti Perang Salib. Antara berikut yang manakah **bukan** kesan Perang Salib (1097 – 1292 Masihi).
- A. Eropah banyak belajar daripada dunia Islam dari segi moral.
  - B. Kemenangan berpihak kepada umat Islam.
  - C. Tiada pengaliran ilmu Islam ke Eropah.
  - D. Aktiviti ekonomi yang maju.
46. Konsep hak asasi hanya wujud selepas abad ke-17 dan dasar hak asasi manusia telah diisytiharkan oleh \_\_\_\_\_.
- A. Persatuan Kesihatan dunia (WHO)
  - B. Pertubuhan Persidangan Islam (OIC)
  - C. Pakatan Pertahanan Atlantik Utara (NATO)
  - D. Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB)

McDonald mempunyai tidak kurang 10,000 restoran di 50 buah negara manakala Kentucky Fried Chicken (KFC) mempunyai lebih daripada 7750 restoran di 58 buah negara.

47. Apakah kesimpulan yang dapat dibuat berdasarkan pernyataan di atas?
- I. Amalan pemakanan yang tidak sihat.
  - II. Budaya makan di Malaysia sudah berubah.
  - III. Jenama makanan barat wujud di negara-negara besar dunia.
  - IV. Ekonomi dunia banyak disumbangkan oleh sektor makanan segera.
- A. I, II dan III sahaja
  - B. I, II, dan IV sahaja
  - C. II, III, dan IV sahaja
  - D. Kesemua di atas
48. Yang manakah antara berikut **benar** tentang kesan globalisasi?
- I. Perpindahan nilai-nilai hidup secara maya.
  - II. Dunia dibatasi oleh sempadan geografi bukan globalisasi.
  - III. Jurang ketara antara negara kaya dengan negara miskin.
  - IV. Globalisasi sesuatu yang baik untuk dimanfaatkan.

- A. I, II dan III sahaja
- B. I, II, dan IV sahaja
- C. II, III, dan IV sahaja
- D. Kesemua di atas

49. Doktrin \_\_\_\_\_ mempercayai kehidupan manusia adalah satu penderitaan, di mana meditasi, amalan spiritual dan fizikal serta kelakuan yang baik adalah cara untuk mencapai kesenangan dan nirvana.

- A. Hinduism
- B. Buddhisme
- C. Jainism
- D. Sikh

50. Thaipusam merupakan perayaan penganut agama Hindu bagi menghormati dan meraikan Dewa \_\_\_\_\_.

- A. Vishnu
- B. Brahma
- C. Murugan
- D. Ganesh

\*\*\* KERTAS SOALAN TAMAT \*\*\*